

# USAHAWAN MAHASISWA

➔ Cari wang saku tampung perbelanjaan, elak bebaskan keluarga

**Oleh Faizatul Farhana Farush Khan**

ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**endedahan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang semakin diberi penekanan serius di menara gading, mendorong ramai mahasiswa mengo-

rak langkah berani menceburi bidang perniagaan.

Sekalipun terikat dengan kesibukan jadual aktiviti di kampus, mahasiswa terbabit jelas cekat menempuhi cabaran dunia pengajian dan bisnes pada masa sama dengan menimba banyak pengalaman berharga, sekali gus berdikari menjana pendapatan sampingan untuk menampung perbelanjaan diri.

Mahasiswa Ijazah Sarjana

Muda Perubatan dan Surgeri, Management & Science University (MSU) Shah Alam, Norsyafiqin Ab Rahman, 28, mengaku keinginan mencari wang saku sendiri agar tidak membebaskan keluarga menjadi faktor utama beliau menjalankan perniagaan sambil menjual produk kesihatan dan kecantikan sejak lebih setahun lalu.

Beliau berkata, tuntutan perbelanjaan bulanan untuk

menyediakan bahan pengajian, selain kos pengangkutan, sewa rumah dan barangan peribadi memerlukan sumber kewangan yang tinggi.

Walaupun terpaksa berkorban masa untuk memberi tumpuan terhadap akademik dan mengendalikan perniagaan setiap hari, katanya, perkara itu menjadi lebih mudah melalui pembahagian masa secara teratur.

V2

## Keusahawanan didik berfikiran jauh

Penyunting Eksekutif:  
Muhammad Fakhri Alias  
Rusnita Pechok

Wartawan:  
Nor Azma Laila  
Basir Zahrom  
Faizatul Farhana Farush Khan  
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:  
Mohd Hakim Ismail  
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)  
Mohd Kahrol Nizam Roslan

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Jualan  
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2724 8999  
Samb: 7752/7713

E-mel atau surat ke Alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Balai Berita,  
31, Jalan Riong, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

fbhpendidikan

tbhpendidikan



Norsyafiqin Ab Rahman



Muhammad Aizat Mokhtar

← Dari V1

Norsyafiqin berkata, beliau hanya mengendalikan urusan bisnes seperti mengambil pesanan dan menghantar produk tempahan pada waktu petang selepas kuliah.

“Bisnes ini dapat memberi pulangan lumayan yang mampu membiayai pengajian, pengangkutan, sewa rumah dan membeli barangan peribadi saya.

“Melalui bisnes, saya juga dapat memperbaiki kemahiran insaniah dan komunikasi, menguruskan masa secara bermanfaat serta menyumbang kepada kebaikan masyarakat,” katanya.

Sementara itu, keinginan untuk membantu memudahkan rakan sekuliah mendapatkan tiket bas untuk pulang ke kampung halaman dengan mudah pada harga pasaran, tambahan pula tiada perkhidmatan seumpama

di dalam kampus, mendorong Muhammad Aizat Mokhtar, 23, menjalankan perniagaan itu ketika menuntut dalam tahun dua di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2013.

### Pendapatan lumayan

Melalui perniagaan yang ditawarkan secara tempahan dalam talian dan penghantaran dilakukannya terus ke kolej pelanggan, beliau mampu menjimatkan masa dan kos pelajar keluar kampus semata-mata untuk membeli tiket di terminal bas.

Ditanya soal pembahagian masa untuk bisnes dan akademik, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaan itu berkata, beliau memberi sepenuh fokus sewaktu pengajaran pensyarah, manakala selepas kuliah, barulah menumpukan kepada tuntutan perniagaan.

“Bisnes memang sama

### Statistik usahawan mahasiswa

Universiti Awam	2014	2015	2016
Universiti Putra Malaysia (UPM)	180	250	400
Universiti Malaya (UM)	12	89	195
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	198	265	366
Universiti Utara Malaysia (UUM)	759	279	500

penting dengan akademik kerana memberi hasil pendapatan lumayan sehingga saya tidak perlu meminta langsung duit belanja daripada ibu bapa. Saya menjadi lebih berdikari dan semakin bijak menguruskan tanggungjawab.

“Menjadi usahawan

mendidik saya berfikiran jauh, berkhidmat kepada masyarakat, tidak mudah mengalah, berusaha gigih dan sentiasa kreatif bagi meningkatkan hasil pulangan,” katanya yang sudah menjual lebih 12,000 keping tiket bas setakat ini.

info